

20/12/1997

Umat Islam perlu pertahan jati diri

DALAM menghadapi kegawatan ekonomi, kita masih peka terhadap perkembangan di rantau lain seperti di Asia Barat menunjukkan kita sebagai suatu bangsa yang menyedari hakikat nasib terikat erat dengan apa yang berlaku di negara lain. Inilah kenyataan era pensejagatan. Kerana itu Sidang Kemuncak Negara Islam atau OIC di Teheran baru-baru ini mempunyai erti penting kepada kita sebagai sebuah negara Islam.

Persidangan OIC yang ke-8 itu berlangsung ketika kita berada di ambang alaf baru. Seperti yang ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya di sidang itu, umat Islam menghadapi cabaran era pensejagatan dan teknologi. Jika umat Islam tidak bersedia sekarang menangani cabaran itu, kita akan menghadapi risiko kehilangan jati diri dan cara hidup kita sebagai umat Islam. Seperti gesaannya yang sering dibuatnya dalam sidang seperti di Teheran itu, Dr Mahathir menganjurkan umat Islam memperkukuh perpaduan, menggunakan kekayaan dan mengikuti ajaran Islam yang sebenar demi menghadapi seteru mereka. Negara Islam harus mempergunakan kekayaan untuk meningkatkan martabat umat dengan menjauhkan sengketa dan pertumpahan darah.

Apakah persidangan itu mencapai maksud murni iaitu memperkukuh perpaduan ummah, membuka satu lembaran baru untuk umat Islam melangkah memasuki alaf baru dengan menjanjikan bahawa dunia Islam akan lebih mantap, lebih aman, lebih makmur pada masa hadapan?

Barangkali terlalu awal untuk kita mengharapkan bahawa perhimpunan di Teheran itu sekali gus dapat mencapai maksud-maksud murni itu. Tetapi peri persidangan itu dapat diadakan di sebuah negara seperti Iran dengan disertai oleh kira-kira 50 presiden negara, empat perdana menteri, tiga putera mahkota serta wakil-wakil dari 55 negara Islam dari seluruh dunia dengan sendirinya berupa suatu kejayaan besar. Untuk Iran khususnya, persidangan itu berupa satu kejayaan yang penuh makna. Sekalipun menghadapi kempen Amerika Syarikat untuk menyingkirkannya daripada masyarakat antarabangsa sebagai sebuah negara pegganas, Iran dapat memujuk negara Islam yang lain untuk menyempurnakan persidangan itu. Iran tentu bangga persidangan itu menunjukkan kewibawaannya sebagai sebuah negara Islam yang diterima oleh negara Islam yang lain.

Hubungan Iran dengan negara tetangganya di Teluk Parsi tidak selamanya aman. Ia pernah terbabit dalam peperangan kejam dengan Iraq selama kira-kira lapan tahun. Ia dicemburui oleh tetangganya dari negara Arab yang terpaksa mencari perlindungan dari Amerika Syarikat untuk keselamatan mereka.

Persidangan di Teheran itu berlangsung di tengah-tengah krisis yang tenat dalam perundingan proses damai tajaan Amerika Syarikat di Palestin. Krisis itu membabitkan juga perhubungan antara Amerika di satu pihak dengan negara-negara Arab yang tadinya menyokong proses damai Oslo seperti Jordan, Mesir, Arab Saudi dan negara-negara Emiriah Arab Bersatu.

Sebelum persidangan OIC di Teheran itu, satu persidangan ekonomi di Qatar antara negara Arab dan Israel gagal akibat dipulaukan oleh negara Arab. Pemulauan itu adalah tindak balas negara Arab terhadap tindak-tanduk Israel mengkhianati perjanjian damai Oslo. Sekalipun Amerika berusaha sedaya upaya untuk memujuk negara Arab agar menyertai persidangan ekonomi itu iaitu Persidangan Ekonomi Timur Tengah - Afrika Utara atau MENA tetapi sambutan negara-negara Arab terhadap persidangan itu amat dingin sekali.

Sebaliknya persidangan OIC di Teheran disertai oleh seluruh negara Arab

seolah-olah dimaksudkan sebagai satu tamparan keras terhadap persidangan MENA yang dianjurkan oleh Amerika dan Israel.

Persidangan OIC seperti diduga menjadikan itu perundingan damai Oslo sebagai agendanya yang terpenting. Persidangan itu mengecam keras keganasan Israel di Palestin. Pemimpin Iran, Ayatollah Ali Khamenei memberikan ucapan yang keras menuduh Amerika dan Zionis merampas hak-hak rakyat Palestin dan menyeru umat Islam supaya berjuang untuk memulihkan hak rakyat Arab di Palestin. Tetapi resolusi terpenting persidangan itu ialah piagam yang antara lain menyeru agar negara Islam menghormati dasar persamaan hak dalam hubungan antara satu sama lain, menghormati hak menentukan nasib sendiri dan tidak mencampuri urusan rumah tangga antara sesama mereka, menyelesaikan sesuatu sengketa secara aman dan menolak untuk mengancam menggunakan kekerasan terhadap kedaulatan dan kemerdekaan anggotanya.

Persidangan itu juga menuntut agar umat Islam diberikan hak untuk dilantik wakilnya dalam Majlis Keselamatan. Sama ada hasrat yang diungkapkan dalam persidangan itu akan terpenuhi seluruhnya tidaklah dapat dipastikan. Sejurus selepas persidangan itu selesai, Iraq dan Jordan tiba-tiba terbabit dalam satu sengketa yang tajam berikutan hukuman bunuh yang dijatuhkan oleh mahkamah Iraq ke atas beberapa belia warganegara Jordan. Nasib Iraq menderita dan menanggung azab akibat sekatan ekonomi PBB hingga berjuta kanak-kanaknya mati kerana kekurangan makanan dan ubat tidak pula menjadi agenda terpenting persidangan itu.

Sebenarnya masih banyak sumber dan punca sengketa melanda umat Islam yang mustahil dapat diatasi dalam persidangan itu. Iran berusaha mencari pengertian tetangganya agar keselamatan dan pertahanan negara Teluk diurus sendiri oleh negara terbabit tanpa campur tangan Amerika.

(END)